

## Abstrak

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat fenomena kemiskinan yang dialami oleh pekerja ladang. Penumpuan kajian ini, diberikan terhadap taraf hidup masyarakat ladang dari aspek pendapatan responden dan isirumah, perbelajaan, latar belakang ladang, simpanan dan pinjaman, taraf pendidikan, keadaan kemudahan asas di kalangan masyarakat ladang, mobiliti dan juga masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang. Segala analisis kajian ini adalah berdasarkan kepada soal-selidik yang dijalankan ke atas pekerja ladang di daerah Hulu Langat, Selangor. Penilaian terhadap taraf hidup masyarakat ladang ini adalah berdasarkan kepada pandangan dan rasional pekerja ladang. Melalui kajian tersebut di dapati bahawa fenomena kemiskinan yang dialami oleh pekerja ladang adalah disebabkan oleh beberapa faktor asas. Antara faktor-faktor yang menyumbang terhadap masalah kemiskinan di kalangan masyarakat ladang adalah faktor upah yang rendah, sistem pengurusan ladang yang bermotifkan keuntungan, peranan kerajaan dan kesatuan sekerja ladang getah yang rendah terhadap sektor perladangan, dan masalah persekitaran yang mengekang kemajuan masyarakat ladang. Faktor-faktor diatas menunjukkan bahawa sektor perladangan mengalami pembangunan yang pesat dari aspek penyelidikan dan pembaharuan teknologi manakala pembangunan sosio-ekonomi masyarakat ladang adalah terbantut. Oleh itu, campur tangan kerajaan adalah penting dalam sektor tersebut supaya pembangunan sosial masyarakat ladang dapat di tingkatkan.

## Abstract

This research examines the phenomena of poverty among plantation community Of Hulu Langat District. Attention is given to status of living of plantation community in various aspects such as respondents' and house hold income, expenditure, saving, and credit, status of education, condition of basic facilities among estate workers, and problems faced by the plantation community. The social-economic status of plantation workers was evaluated based on the opinions of the management. The research revealed that the phenomena of poverty was rampant among the plantation workers mainly caused by several factors. Among these factors that contribute toward poverty and underdevelopment of the plantation community are low wages, the estate's organization system which was profit oriented (capital), and less intervention by government and national union plantation workers and also the poor social facilities which permeate negative development. The above factors indicate that the development of plantation sectors focuses on technological innovation and research. However the development of community working in the plantation does not take place. This situation needs government intervention to ensure that social and economic development in the estate could be upgraded and sustained.